Parthiban a/l Padavtan dan lain-lain lwn Habibah bt Mahmud (membawa tindakan ini sebagai ibu dan tanggungan yang sah di sisi undang-undang dan sebagai pentadbir harta pusaka bersama bagi si mati Ahmad Harfidz bin Abu Bakar) dan satu lagi

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN SIVIL NO N-01(NCVC)(W)-15–01 TAHUN 2017
AHMADI ASNAWI, ZALEHA YUSOF HHMR DAN SURAYA OTHMAN HMT
18 SEPTEMBER 2017

Polis — Liabiliti tort — Kecuaian — Pertahanan diri — Sama ada tindakan perayu wajar dan munasabah — Sama ada perayu kedua bertindak cuai apabila melepaskan tembakan taser gun terhadap si mati — Sama ada perayu pertama bertindak cuai apabila melepaskan tembakan senjata api terhadap si mati

Tort — Ganti rugi — Kuantum — Sama ada ganti rugi yang diberikan oleh YA pesuruhjaya kehakiman bermerit

Pada 8 Februari 2011, pihak polis telah bergegas ke rumah responden pertama untuk memujuk Ahmad Harfidz bin Abu Bakar ('si mati') menyerah diri dan pergi ke hospital. Namun setelah tiga jam berada di rumah responden pertama, pihak polis masih gagal berbuat demikian. Apabila si mati masih enggan menyerah diri, sebagai langkah terakhir Abd Rahim bin Hamid ('perayu kedua') melepaskan *taser gun* untuk melemahkan si mati. Si mati kemudian bertindak ganas menyerang perayu kedua menggunakan parang. Partiban a/l Padavtan ('perayu pertama') terpaksa melepaskan tembakan senjata api ke arah si mati untuk menghalang si mati terus menetak perayu kedua. Tembakan tersebut yang dihala ke arah bahu si mati tersasar dan terkena pipi si mati. Si mati meninggal dunia akibat daripada tembakan tersebut. Hakim bicara telah menolak tuntutan responden-responden (plaintif di peringkat mahkamah sesyen) dengan kos. Di Mahkamah Tinggi pula, rayuan responden-responden dibenarkan oleh YA pesuruhjaya kehakiman dan keputusan hakim bicara diketepikan. Isu yang berbangkit adalah sama ada perayu kedua bertindak cuai apabila melepaskan tembakan *taser gun* terhadap si mati dan sama ada perayu pertama bertindak cuai apabila melepaskan tembakan senjata api terhadap si mati.

Diputuskan, membenarkan rayuan perayu-perayu, mengenepikan keputusan YA pesuruhjaya kehakiman dan mengekalkan keputusan hakim bicara:

(1) YA pesuruhjaya kehakiman bijaksana terkhilaf kerana tidak membuat penilaian dari permulaan kedatangan pihak polis ke rumah sehinggalah *taser gun* digunakan. Selain itu, YA pesuruhjaya kehakiman gagal membuat penilaian bahawa pengunaan *taser gun* oleh perayu kedua adalah langkah terakhir semata-mata untuk menyelamatkan si mati dari mencederakan diri sendiri dan juga mencederakan orang lain yang berdekatan serta melemahkan si mati yang bersenjatakan parang bagi tujuan membawa si mati ke hospital untuk mendapatkan rawatan. Beliau juga gagal mengambil kira keterangan doktor psikiatri yang mengesahkan si mati merupakan pesakit yang mengalami 'schizophrenia' (lihat perenggan 20–21).

(2) YA pesuruhjaya kehakiman terkhilaf apabila gagal mengambil kira kewujudan 'imminent danger' yang mewajarkan senjata api dilepaskan ke arah si mati. Tembakan yang dilepaskan perayu pertama dalam keadaan tersebut adalah wajar dilakukan untuk menyelamatkan nyawa perayu kedua yang dihentak bertubi-tubi dengan parang oleh si mati. Tembakan senjata api tersebut adalah tindakan munasabah dan wajar bertujuan untuk mempertahankan diri dalam situasi kerana terdapatnya keadaan cemas atau 'agony of the moment' (lihat perenggan 24 & 26).

(3) YA pesuruhjaya kehakiman bijaksana terkhilaf dalam memutuskan bahawa perayu pertama gagal meberikan amaran yang jelas sebelum menembak si mati serta menyatakan beliau boleh melepaskan tembakan ke arah peha atau punggung si mati sebagai pilihan yang lebih selamat. Ini kerana mengikut rekod, perayu pertama telah pun memberi amaran kepada si mati supaya berhenti mencederakan perayu kedua tapi tidak dipedulikan oleh si mati (lihat perenggan 32).

(4) Ganti rugi kesedihan di bawah s 7(3B) Akta Undang-Undang Sivil 1956 ('Akta') tidak boleh diberikan kepada responden-responden kerana umur si mati pada tarikh kejadian adalah 37 tahun, tidak mempunyai isteri dan dia bukanlah 'minor' bagi mewajarkan ganti rugi kesedihan diberikan kepada responden pertama sebagai ibunya. YA pesuruhjaya kehakiman terkhilaf apabila memberigan ganti rugi kesedihan dan teladan kepada responden-responden sedangkan ianya tidak dibenarkan di bawah s 8(2) Akta. YA pesuruhjaya kehakiman bijaksana telah terkhilaf dalam memberikan ganti rugi am kepada responden-responden yang mana mereka tidak ada hak untuk mendapat ganti rugi am tersebut berdasarkan ss 7 dan 8 Akta. Selain itu, dalam keadaan di mana YA pesuruhjaya kehakiman sudah pun memberikan ganti rugi am, maka ganti rugi untuk serangan dan serangan sentuh tidak boleh diberikan kerana ianya akan terjumlah kepada gandaan ganti rugi (lihat perenggan 36–37 & 39).

[English summary

On 8 February 2011, the police rushed to the first respondent's house to persuade one Ahmad Harfidz bin Abu Bakar ('the deceased') to surrender and to go to the hospital. However, after three hours of being at the first respondent's house, the police still failed to do so. When the deceased refused to surrender, as a final step, Abd Rahim bin Hamid ('the second appellant') shot the taser gun to weaken the deceased. The deceased then acted violent and attacked the second appellant with a parang. Partiban a/l Padavtan ('the first appellant') had to shot a gunfire which was aimed at the deceased's shoulder but hit the appellant's cheek. The deceased died due to the gunshot. The trial judge dismissed the respondent's claim ('the plaintiff at the sessions court') with costs. At the High Court, the respondents' appeal by the judicial commissioner and the trial judge's decision was set aside. The issue that arose was whether the second appellant was negligent in firing the taser gun towards the deceased and whether the first appellant was negligent in firing the gunshot towards the deceased.

Held, allowing the appellants' appeal, setting aside the decision of the judicial commissioner and upholding the decision of the trial judge.

(1) The judicial commissioner erred in not appreciating from the arrival of the police at the house until the taser gun was employed. Aside from that, the judicial commissioner failed to appreciate that the taser gun was used by the second appellant as a final step to save the deceased from hurting himself and from hurting other people who were nearby and to weaken the deceased who was armed with a parang in order to take the deceased to the hospital to seek treatment. His Lordship also failed to take into consideration the psychiatric doctor's evidence which confirmed that the deceased was a patient who suffered from schizophrenia (see paras 20–21).

(2) The judicial commissioner erred in taking into account the existence of imminent danger which justified the firing of the gunshot towards the deceased. The shot which was fired at the first appellant, in the circumstances, ought to be done to save the second appellant's life who was repeatedly stump with the parang by the deceased. The firing of the gunshot was reasonable and ought to be done to defend one's self in such a situation was there was panic or 'agony of the moment' (see paras 24 & 26).

(3) The judicial commissioner erred in holding that the first appellant failed to give a clear warning before shooting the deceased and stated that he could have fired the shot at the deceased's thigh or buttocks as a safer option. According to records, the first appellant cautioned the deceased to stop hurting the second appellant but the deceased took no heed (see para 32).

(4) Damages for bereavement under s 7(3B) of the Civil Law Act 1956 ('the Act') could not be awarded to the respondents as, during his death, the deceased was 37 years old, had no wife and was not a minor that warranted the awarding of damages for bereavement to first respondent, who was his mother. The judicial commissioner erred in awarding bereavement and exemplary damages to the respondents even though this was prohibited under s 8(2) of the Act. The judicial commissioner erred in awarding general damages to the respondents, which they were not entitled to under ss 7 and 8 of the Act. Aside from that, in a situation where a judicial commissioner had awarded general damages, the award for the attack and physical attack could not be awarded as it would amount to enrichment of damages (see paras 36–37 & 39).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai ganti rugi secara am, lihat 12(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 221–381.
Untuk kes-kes mengenai kecuaian, lihat 10(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 1549–1554.

Kes-kes yang dirujuk

David Chang Tai Kim v Datuk Conrad Mojuntin [2010] MLJU 551, MT (dirujuk)
ECM Libra Investment Bank Bhd v Foo Ai Meng & Ors [2013] 3 MLJ 35; [2013] 3 AMR 8, MR (dirujuk)
Foo Sam Ming v Archi Environ Partnership [2004] 1 MLJ 449, MR (dirujuk)
Mariayee Veeran & Anor v Mohammad Nasir Mohamed Ali & Anor [1985] CLJ 224, MP (dirujuk)
PP v Ngoi Ming Sean [1982] 1 MLJ 24; [1981] CLJ Rep 251 (dirujuk)
Patrick Chau Fook Henn v PP [2014] 3 MLJ 825; [2014] 8 CLJ 14, MR (dirujuk)
Port Swettenham Authority v TW Wu and Co (M) Sdn Bhd [1978] 2 MLJ 137, PC (dirujuk)
Rookes v Barnard [1964] AC 1129, HL (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Undang-Undang Sivil 1956 ss 7, 7(3B), 8, 8(2)
Perlembagaan Persekutuan Bahagian II

Rayuan daripada: Rayuan Sivil No 12(B)NCVC-17–12 Tahun 2015 (Mahkamah Tinggi, Seremban)

Zureen Elina bt Hj Mohd Dom (Peguam Kanan Persekutuan, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak perayu-perayu.
Isritharan C Nadarajan (Thamarai Selvi Thomas with him) (Nor Affiza & Co) bagi pihak responden-responden.

Suraya Othman H:

PENGENALAN

[1] Ini adalah rayuan perayu-perayu (defendan-defendan di mahkamah sesyen) terhadap keseluruhan keputusan Mahkamah Tinggi yang diberikan oleh Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman ('YA PK') pada 23 September 2016.

[2] Tuntutan ini mulanya telah difailkan pada 23 September 2016 oleh responden-responden (plaintif-plaintif di mahkamah sesyen) yang mana hakim mahkamah sesyen iaitu hakim bicara pada 4 Disember 2015 telah menolak keseluruhan tuntutan plaintif-plaintif dengan kos.

[3] Atas perkara rayuan plaintif-plaintif ke Mahkamah Tinggi, rayuan plaintif-plaintif telah dibenarkan dan keputusan hakim bicara diketepikan. Tuntutan plaintif-plaintif yang dibenarkan oleh YA PK ialah seperti yang berikut:

(a) ganti rugi kesedihan 'bereavement' sebanyak RM10,000;

(b) ganti rugi perbelanjaan pengkebumian RM3,000;

(c) ganti rugi am bagi kesakitan dan kesengsaraan 'pain and suffering' sebanyak RM50,000;

(d) ganti rugi teladan sebanyak RM50,000;

(e) ganti rugi serangan dan serangan sentuh sebanyak RM20,000;

(f) faedah 5% setahun dari tarikh penghakiman mahkamah sesyen iaitu 4 Disember 2015; dan

(g) kos RM30,000 bagi prosiding mahkamah sesyen dan rayuan ini.

Walau bagaimanapun, YA PK telah menolak rayuan plaintif-plaintif atas tuntutan-tuntutan:

(i) kehilangan tanggungan 'loss of support'

(ii) ganti rugi teruk; dan

(iii) satu deklarasi bahawa defendan-defendan telah secara salah mencerobohi hak asasi *(fundamental liberties)* si mati Ahmad Harfidz bin Abu Bakar seperti yang diperuntukkan di bawah Bahagian II Perlembagaan Persekutuan.

[4] Bagi tujuan penghakiman ini, pihak-pihak akan dirujuk berdasarkan kedudukan asal di dalam prosiding mahkamah sesyen iaitu mahkamah bicara.

A LATAR BELAKANG KES

[5] Daripada rekod rayuan dan hujah pihak-pihak berkenaan, kami dapat menyimpulkan latar belakang fakta kes seperti berikut. Plaintif pertama, Habibah bt Mahmud merupakan ibu kepada si mati Ahmad Harfidz bin Abu Bakar dan plaintif kedua Ahmad Hairail Adzuan bin Abu Bakar merupakan adik kepada si mati. Plaintif pertama membawa tindakan ke atas defendan-defendan atas kapasiti beliau sebagai ibu dan tanggungan si mati, juga sebagai pentadbir harta pusaka bersama si mati. Plaintif kedua, Ahmad Hairail Adzuan bin Abu Bakar pula membawa tindakan ke atas defendan-defendan atas kapasiti beliau sebagai pentadbir harta pusaka bersama si mati.

[6] Defendan pertama Parthiban a/l Padavtan, defendan kedua Abd Rahim bin Hamid dan defendan ketiga Mohd Rizwadie bin Abdullah Bukhari merupakan anggota polis yang menjalankan tugas di Ibu Pejabat Polis Daerah Jempol pada setiap masa yang matan. Defendan keempat ialah Ketua Polis Daerah Jempol, defendan kelima ialah Ketua Polis Negeri, Negeri Sembilan, defendan keenam ialah Ketua Polis Negara dan defendan ketujuh ialah Kerajaan Malaysia.

[7] Menurut plaintif pertama ('SP2'), pada 8 Februari 2011 beliau telah menghubungi pihak hospital kerana bimbang akan keadaan si mati yang tidak tidur selama dua hari dan enggan ke hospital untuk mendapatkan rawatan. Pihak hospital seterusnya telah menasihati plaintif pertama untuk menghubungi pihak polis untuk membawa si mati ke hospital. Plaintif pertama kemudian telah menghubungi pihak polis bagi tujuan tersebut.

[8] Menurut defendan-defendan pula, plaintif pertama telah menghubungi mereka bagi tujuan untuk mendapatkan bantuan membawa si mati ke hospital kerana si mati yang mengidap penyakit mental sedang mengamuk di rumah menggunakan senjata parang.

[9] Selepas menerima panggilan plaintif pertama, pihak polis (dua pasukan MPV secara berturut-turut dan pasukan unit pencegah jenayah) termasuklah defendan pertama, defendan kedua dan defendan ketiga telah bergegas ke rumah plaintif pertama untuk memujuk si mati menyerah diri dan pergi ke hospital. Namun selepas tiga setengah jam berada di sana, pihak polis masih gagal berbuat demikian.

[10] Apabila si mati masih enggan menyerah diri, sebagai langkah terakhir pihak polis telah menggunakan *taser gun* untuk melemahkan si mati bagi tujuan membawa si mati ke hospital. *Taser gun* ini telah dilepaskan oleh defendan kedua, Abd Rahim bin Hamid ('SD3').

[11] Selepas ditembak dengan *taser gun*, si mati telah kemudian bertindak ganas menyerang defendan kedua dengan menggunakan parang. Si mati telah menetak defendan kedua ('SD3') secara bertubi-tubi di bahagian kepala, telinga dan badan menyebabkan defendan pertama, Partiban a/l Padavtan ('SD4') terpaksa melepaskan tembakan senjata api ke arah si mati untuk menghalang si mati dari terus menetak defendan kedua. Akibat tertakan bertubi-tubi, defendan kedua telah mengalami kecederaan yang parah dan fakta ini disokong dan disahkan oleh pegawai perubatan dan tidak dipertikaikan oleh plaintif-plaintif.

[12] Menurut defendan pertama beliau telah melepaskan tembakan senjata api ke arah bahu si mati tetapi telah tersasar dan terkena di bahagian pipi si mati memandangkan si mati ketika itu dalam keadaan bergerak. Akibat daripada tembakan ini, si mati telah meninggal dunia.

[13] Plaintif-plaintif kemudiannya telah memfailkan tindakan sivil terhadap defendan-defendan di mahkamah sesyen. Pada 4 Disember 2014 hakim bicara yang mendengar keseluruhan keterangan telah menolak tuntutan plaintif-plaintif terhadap defendan-defendan. Plaintif-plaintif yang terkilan dengan keputusan tersebut telah merayu ke Mahkamah Tinggi dan pada 23 September 2016 Mahkamah Tinggi telah membenarkan rayuan plaintif-plaintif. Defendan-defendan seterusnya merayu ke Mahkamah Rayuan dan pada 20 Jun 2017 kami telah mendengar rayuan ini dan sebulat suara membenarkan rayuan tersebut.

DAPATAN HAKIM MAHKAMAH SESYEN ('HAKIM BICARA')

[14] Hakim bicara telah membuat penemuan/dapatan seperti yang berikut:

(a) bahawa tidak munasabah untuk plaintif pertama ('SP2') sebagai seorang ibu meminta bantuan polis untuk menghantar anak beliau ke hospital hanya kerana anaknya tidak tidur selama dua hari dan enggan ke hospital. Sebaliknya hakim bicara mendapati adalah lebih berkemungkinan (*probable*) bahawa keadaan lebih serius telah berlaku menyebabkan plaintif pertama menelefon pihak polis untuk datang ke rumah beliau;

(b) bahawa juga tidak mungkin (*not probable*) untuk pihak polis menghantar dua pasukan MPV secara berturut-turut dan pasukan unit cegah jenayah hanya untuk memujuk si mati pergi ke hospital. Inferens yang selamat adalah bahawa terdapat ramai anggota polis yang telah datang silih berganti ke rumah SP2 dan ini menunjukkan satu keadaan kecemasan yang memerlukan perhatian rapi pihak polis;

(c) bahawa semasa kejadian, si mati yang mengidap penyakit mental 'schizophrenia' sedang mengamuk dan memegang parang. Ini disokong

oleh keterangan SD7 yang merupakan pakar perunding psikiatri dan keterangan SD8 yang merupakan pegawai perubatan yang mengesahkan si mati sememangnya merupakan pesakit mental 'schizophrenia' yang pernah gagal menghadiri sesi rawatan di hospital dan pernah ditahan kerana bertindak agresif;

(d) bahawa pihak polis telah mengambil langkah yang wajar untuk memujuk si mati supaya bertenang dan menyerah diri. Polis telah pun tiba di tempat kejadian pada jam 1.35 petang dan kejadian tembakan taser yang pertama hanya berlaku pada 5.10 petang. Ini menunjukan bahawa pihak polis telah berusaha memujuk si mati untuk menyerah diri tetapi si mati enggan menyerah diri malah menjadi agresif. Jangka masa lebih kurang empat jam ini adalah jangka masa yang panjang dan ini menunjukkan pihak polis telah cuba memastikan keselamatan si mati untuk dibawa ke hospital;

(e) bahawa defendan kedua ('SD3') telah berhati-hati menggunakan *taser gun* kerana beliau meninjau keadaan si mati dan tempat kejadian terlebih dahulu sebelum kembali ke balai dan mengambil *taser gun*. *Taser gun* telah digunakan setelah mendapat kebenaran daripada defendan ketiga ('SD6') dan setelah timbul dua situasi seperti keterangan SD3 dimana si mati mengancam mencederakan diri sendiri dan menghalang si mati melarikan diri atau mendatangkan kecederaan fizikal kepada mana-mana orang; dan

(f) bahawa tindakan defendan pertama ('SD4') melepaskan tembakan senjata api dilakukan setelah mendapat kebenaran dari defendan ketiga, Mohd Rizwadie bin Abdullah Bukhari, untuk melepaskan tembakan dengan tujuan untuk menyelamatkan defendan kedua yang sedang diserang oleh si mati dan bukannya untuk menyebabkan kematian. Tembakan tersebut telah ditujukan ke arah bahu si mati namun tersasar kerana si mati ketika itu dalam keadaan bergerak dan tembakan tersebut telah terkena di bahagian pipi si mati. Defendan pertama juga memberikan keterangan bahawa tembakan tersebut ditujukan ke bahu si mati dan tidak ditujukan ke bahagian kaki atau punggung si mati. Tindakan tersebut diambil supaya si mati melepaskan parang yang berada di tangan beliau. Tindakan defendan pertama melepaskan tembakan adalah wajar dan dalam keadaan 'agony of moment' untuk mempertahankan nyawa defendan kedua.

DAPATAN YA pesuruhjaya kehakiman MAHKAMAH TINGGI ('YA PK')

[15] YA PK yang bijaksana telah membuat penemuan/dapatan seperti yang berikut:

(a) bahawa terdapat kecuaian di pihak defendan kedua ('SD3') apabila *taser gun* digunakan oleh beliau sebanyak dua kali;

(b) bahawa defendan kedua (SD3) telah mengakui si mati tidak mengganas pada masa tersebut. Ini kerana si mati sedang berbaring dan sedang berzikir dan bukan dalam keadaan agresif. Oleh itu defendan kedua (SD3) tidak mempunyai alasan yang sah di sisi undang-undang untuk menggunakan *taser gun* terhadap si mati dalam keadaan si mati sedang tenang dan berbaring sambil berzikir;

(c) bahawa tiada amaran diberikan kepada si mati sebelum tembakan *taser gun* dilepaskan. Ini kerana mengikut keterangan defendan kedua amaran tidak diberikan kerana beliau terlupa; dan

(d) defendan pertama telah gagal memberikan amaran yang jelas kepada si mati sebelum melepaskan tembakan senjata api. Tembakan sewajarnya dilepaskan pada bahagian peha atau punggung si mati sebagai pilihan selamat. YA PK bijaksana mendapati terdapat kecuaian apabila defendan menembak sesuka hati.

ISU UNTUK DIPUTUSKAN

[16] Pada pandangan kami rayuan defendan-defendan dapat diputuskan berdasarkan kepada isu samada defendan pertama ('SD4'), defendan kedua (SD3) dan defendan ketiga ('SD6') bertindak cuai dalam kes ini. Secara terperinci isu adalah seperti yang berikut:

(a) sama ada defendan kedua (SD3) bertindak cuai apabila melepaskan tembakan *taser gun* terhadap si mati; dan

(b) sama ada defendan pertama (SD4) bertindak cuai apabila melepaskan tembakan senjata api terhadap si mati.

KEPUTUSAN KAMI

Isu liabiliti

[17] Setelah mempertimbangkan penghujahan kedua-dua pihak, kami dengan sebulat suara membenarkan rayuan defendan-defendan atas alasan-alasan yang akan diterangkan di dalam perenggan-perenggan seterusnya di bawah.

[18] Pertama sekali, YA PK bijaksana telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila membuat dapatan bahawa terdapatnya kecuaian di pihak defendan kedua dan defendan pertama dan seterusnya memutuskan defendan kedua cuai dalam penggunaan *taser gun* dan defendan pertama cuai dalam penggunaan senjata api.

Penggunaan taser gun oleh defendan kedua

[19] Dapatan YA PK bijaksana bahawa tidak ada bukti wujud yang si mati berada dalam keadaan membahayakan nyawa diri sendiri dan nyawa orang lain sebelum *taser gun* digunakan ke atas beliau bertentangan dengan dapatan hakim bicara yang membuat dapatan bahawa defendan kedua telah bertindak dengan berhati-hati dalam penggunaan *taser gun* ke atas si mati.

[20] Kami berpendapat bahawa YA PK bijaksana terkhilaf kerana tidak membuat penilaian dari permulaan kedatangan pihak polis ke rumah plaintif pertama sehinggalah *taser gun* digunakan yang mengambil masa lebih dari tiga setengah jam iaitu daripada jam 1.35 petang hingga jam 5.10 petang. Sepanjang tempoh tersebut, segala usaha telah dibuat oleh pihak polis untuk memujuk si mati yang bersenjatakan parang untuk menyerah diri tetapi gagal. YA PK bijaksana telah gagal membuat penilaian bahawa penggunaan *taser gun* oleh defendan kedua adalah langkah terakhir semata-mata untuk menyelamatkan si mati dari mencederakan diri sendiri dan juga mencederakan orang lain yang berdekatan serta melemahkan si mati yang bersenjatakan parang bagi tujuan membawa si mati ke hospital untuk mendapatkan rawatan.

[21] Dapatan YA PK bijaksana ini juga gagal mengambil kira keterangan SD7 yang merupakan doktor pakar perunding psikiatri yang mengesahkan si mati merupakan seorang pesakit yang mengalami penyakit 'schizophrenia' semenjak tahun 2002 lagi. Keterangan SD7 ini disokong oleh keterangan SD8 yang merupakan pegawai perubatan yang mengesahkan si mati sememangnya pesakit 'schizophrenia' yang pernah gagal untuk menghadiri sesi rawatan di hospital dan pernah ditahan kerana bertindak agresif terhadap plaintif pertama.

[22] Di dalam hal ini hakim bicara telah membuat dapatan bahawa *taser gun* telah digunakan setelah mendapat kebenaran dari defendan ketiga ('SD6') dan setelah timbul dua situasi, seperti keterangan SD3, yang mana si mati mengancam mencederakan diri sendiri dan menghalang si mati dari melarikan diri atau mendatangkan kecederaan fizikal kepada mana-mana orang yang berdekatan. Dapatan hakim bicara seharusnya tidak diganggu oleh YA PK dan prinsip ini telahpun ditekankan dalam kes *Foo Sam Ming v Archi Environ Partnership* [2004] 1 MLJ 449 apabila Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa:

> That is an appeal on question of facts. The function of this court in an appeal such as this is well establish. It is to defer to the *views of the trial judge who had the obvious audio-visual advantage over oral testimony.* Indeed it would be quite wrong for this court to interfere in the present case. (Penekanan ditambah.)

Penggunaan senjata api oleh defendan pertama

[23] Dapatan YA PK bijaksana dalam konteks ini juga bertentangan dengan keputusan hakim bicara yang memutuskan tiada kecuaian di pihak defendan pertama dalam pelepasan tembakan senjata api terhadap si mati. Hakim bicara telah membuat dapatan fakta bahawa si mati sememangnya telah bertindak agresif dan menyerang serta mencederakan defendan kedua ketika tembakan senjata api dilepaskan oleh defendan pertama.

[24] YA PK bijaksana dalam penghakiman beliau tidak langsung menyentuh tentang serangan si mati terhadap defendan kedua. YA PK bijaksana terkhilaf apabila gagal mengambil kira kewujudan 'imminent danger' yang mewajarkan tembakan senjata api dilepaskan ke arah si mati. Sebaliknya, apa yang jelas ialah fokus YA PK bijaksana yang lebih menjurus ke arah dapatan bahawa defendan pertama membuat tembakan sesuka hati dan tidak berhati-hati dan melanggar Arahan Ketua Polis Negara ('AKPN 78').

[25] Mengenai isu AKPN 78 ini, secara ringkasnya kami berpendapat bahawa ianya paling lebih hanyalah terjumlah kepada satu arahan dalaman yang hanya mengikat pihak polis dan bukannya mahkamah ini. Secara alternatifnya, kami berpendapat bahawa sekiranya AKPN 78 ini diteliti, ianya menunjukkan (seperti mana disokong oleh keterangan SP3) bahawa keadaan yang timbul iaitu tindakan si mati bertindak agresif dan menyerang defenden kedua mewujudkan satu ancaman yang nyata ke atas nyawa defendan kedua. Oleh yang demikian, tindakan defendan pertama melepaskan tembakan ke arah si mati terjumlah kepada satu kekerasan munasabah mengambil kira ancaman yang wujud pada ketika itu.

[26] Kami juga bersetuju dalam hal ini dengan dapatan hakim bicara bahawa tindakan defendan pertama melepaskan tembakan senjata api tersebut adalah satu tindakan munasabah dan wajar bertujuan untuk mempertahankan diri dalam situasi adanya keadaan cemas atau 'agony of the moment'. Dalam rayuan di hadapan kami, tembakan senjata api dilakukan untuk menyelamatkan nyawa defendan kedua yang dihentak bertubi-tubi dengan parang oleh si mati di bahagian kepala, telinga dan badan. Mengikut keterangan defendan pertama, defendan kedua terjatuh dan dalam keadaan terduduk, tersadai di tepi dinding dengan si mati membongkok dan menghentak bertubi-tubi dan tiada cara lain lagi untuk menyelamatkan defendan kedua melainkan menggunakan senjata api bagi menghentikan serangan si mati. Dari itu kami sebulat suara berpendapat bahawa tembakan yang dilepaskan oleh defendan pertama dalam keadaan ini adalah wajar dilakukan untuk menyelamatkan nyawa defendan kedua.

[27] Rujukan dalam hal ini boleh dibuat kepada kes *David Chang Tai Kim v*

Datuk Conrad Mojuntin [2010] MLJU 551 bila mana mahkamah memutuskan bahawa isu kecuaian tidak timbul sama sekali dalam fakta yang melibatkan persoalan hak persendirian untuk mempertahan atau membela diri (*right of private defence*):

> On the evidence and having regard to the probabilities of the case I have no doubt that the persons who arrived in the Kenari, including the deceased were armed and had gone to the state library to settle a score and not to settle a misunderstanding peacefully as claimed by PW5. Revenge was clearly on their minds. I am satisfied that defendant was under a reasonable apprehension that his death would otherwise be the consequence if he had not fired the fatal shot that killed the deceased. *Since he was merely exercising his legal right of private defence the question of being negligent does not arise at all.* In the circumstances the claim was dismissed with costs, to be taxed unless otherwise agreed. (Penekanan ditambah.)

[28] Di dalam kes *Port Swettenham Authority v TW Wu and Co (M) Sdn Bhd* [1978] 2 MLJ 137 Privy Council telah memutuskan bahawa apa yang dilakukan di dalam keadaan 'agony of the moment' tidak menjurus kepada suatu kecuaian.

[29] Defendan pertama, seperti disebut sebelum ini, juga boleh bergantung kepada prinsip pembelaan persendirian dalam menjustifikasikan tindakan beliau mengikut prinsip yang telah digariskan di dalam kes *Public Prosecutor v Ngoi Ming Sean* [1982] 1 MLJ 24; [1981] CLJ Rep 251 bila mana mahkamah menyatakan bahawa hak pembelaan persendirian bermula sebaik sahaja terdapatnya perasaan bahaya yang munasabah oleh tertuduh dan hak tersebut berterusan selama perasaan bahaya tersebut berterusan dan dalam hal mempertahankan diri seseorang itu boleh mengakibatkan kematian.

> The accused said that at that stage he genuinely feared for his life at the hands of the deceased because of the threats and aggression with which the deceased had confronted him from the time that he had entered the bar. He had no intention of killing the deceased but had the shot in self-defence. He had been in the police force for 15 years and had never fired a shot at any person. This was the first time such an incident had taken place in his life.
>
> The Penal Code provides that nothing is an offence which is done in the exercise of the right of private defence of a person's body. But there is no such right where the person has time to seek the protection of the public authorities. Nor will this right of private defence extend to the inflicting of more harm than is necessary for the purpose of defence. Subject to these limitations *the right of private defence of the body extends even to the voluntary causing of death or any other harm to the assailant if the person who exercises his right of private defence is under reasonable apprehension that the death or grievous hurt would be caused to him by the assailant. The right of private defence commences as soon as there is reasonable apprehension of danger to the body and this right continues so long as such apprehension of danger continues* (see ss 96–102 of the Code). And it goes without saying that right of private defence ceases and is not

available when there is no more apprehension of danger to the body. (Penekanan ditambah.)

[30] Di dalam kes *Patrick Chau Fook Henn v Public Prosecutor* [2014] 3 MLJ 825; [2014] 8 CLJ 14, Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa persoalan samada seorang itu cuai tidak timbul dalam keadaan dimana seseorang itu bertindak untuk mempertahankan diri.

(4) The defendants were under reasonable apprehension that their death would otherwise be the consequence if they had not fired the fatal shots. Thus, the defendants were not negligent but had acted in the agony of the moment. Since the defendants were merely exercising their legal rights of private defence with reasonable force, the question of being negligent did not arise.

[31] Dalam kata lain, YA PK bijaksana telah gagal untuk mempertimbangkan kewujudan ancaman nyata terhadap defendan kedua (SD3). Bahkan seperti disebut sebelum ini, alasan penghakiman YA PK bijaksana tidak langsung mengupas persoalan ini. Ancaman ini juga bukanlah sesuatu yang dibesar-besarkan memandangkan SD5 iaitu seorang pegawai perubatan telah pun memberikan keterangan bahawa kecederaan yang dialami defendan kedua adalah satu kecederaan yang parah.

[32] Seterusnya, kami juga berpendapat bahawa YA PK bijaksana terkhilaf dalam memutuskan bahawa defendan pertama gagal memberikan amaran yang jelas sebelum menembak si mati serta menyatakan beliau boleh melepaskan tembakan ke arah peha atau punggung si mati sebagai pilihan yang lebih selamat. Ini kerana mengikut rekod, defendan pertama telah pun memberi amaran kepada si mati supaya berhenti mencederakan defendan kedua tetapi amaran tersebut tidak dipedulikan oleh si mati.

[33] Pada masa yang sama, tembakan sengaja dituju ke arah bahu si mati supaya parang yang dipegang si mati akan terlepas dari tangannya memandangkan pada masa tembakan dilepaskan, si mati sedang menghayun atau menetak parangnya secara bertubi-tubi ke arah kepala, telinga dan badan defendan kedua. Dalam keadaan sedemikian tindakan defendan pertama adalah wajar dan dilindungi oleh undang-undang.

[34] Oleh yang demikian, atas alasan-alasan yang telah kami sebut di atas kami berpuas hati bahawa terdapat merit dalam rayuan defendan-defendan. Kami dengan ini terpaksa akur untuk campur tangan di dalam penghakiman YA PK bijaksana apabila ditunjukkan bahawa YA PK bijaksana telah melakukan kekhilafan undang-undang, tersalah anggap fakta (*misconceived facts*) dan gagal memberi keberatan (*weight*) yang mencukupi ke atas perkara yang relevan dalam rayuan ini. Dengan itu kami sebulat suara membenarkan rayuan defendan dalam isu liabiliti.

A *Kuantum*

[35] Berkaitan dengan kuantum di dalam kes ini, kami juga mendapati awad ganti rugi yang diberikan YA PK bijaksana adalah tidak bermerit atas alasan-alasan yang berikut.

B

[36] Pertama sekali, ganti rugi kesedihan di bawah s 7(3B) Akta Undang-Undang Sivil 1956 tidak boleh diberikan kepada plaintif-plaintif kerana umur si mati pada tarikh kejadian ialah 37 tahun, tidak mempunyai isteri dan beliau bukanlah 'minor' bagi mewajarkan ganti rugi kesedihan diberikan kepada plaintif pertama sebagai ibu beliau.

C

[37] Kedua, YA PK bijaksana terkhilaf apabila memberikan ganti rugi kesedihan dan teladan kepada plaintif-plaintif sedangkan ianya tidak dibenarkan di bawah s 8(2) Akta Undang-Undang Sivil 1956. Dalam kes *Mariayee Veeran & Anor v Mohammad Nasir Mohamed Ali & Anor* [1985] CLJ 224, yang melibatkan tuntutan ganti rugi teladan akibat perbuatan salah tembak, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan di ms 229:

D

E

> Lastly, it was submitted by learned counsel for the plaintiffs that the learned trial judge erred in law in holding that the plaintiffs were not entitled to exemplary damages in all the circumstances and the pleadings therein. No authority binding on this court had been cited in support of such proposition. In our judgement, this contention is entirely without merit and appears to the contrary to the law. Section 8(2) of the Civil Law Act 1956 enacts that where a cause of action survives for the benefit of the estate of a deceased person, the damages recoverable for the benefit of the estate of that person shall not include any exemplary damages. There is no reason, in our opinion, why this provision should not be extended to cover a claim made for and on behalf of the defendants of the deceased.

F

G

[38] Plaintif-plaintif juga telah gagal untuk membuktikan bahawa kes ini terjumlah di bawah mana-mana kategori yang diperuntukkan di dalam kes *Rookes v Barnard* [1964] AC 1129 yang mewajarkan awad ganti rugi teladan diberikan. Sama ada ganti rugi teladan adalah sesuai atau tidak telah diputuskan di ms 1228 kes tersebut. Di dalam rayuan dihadapan kami, tindakan defendan kedua dan defendan pertama tidak terjumlah kepada tindakan atau perlakuan keterlaluan (*outrageous*) bagi mewajarkan ganti rugi teladan diawadkan:

H

I

> In a case in which *exemplary damages are appropriate*, a jury should be directed that if, but only if, the sum that they have in mind to award as compensation (which may of course, be a sum aggravated by the way in which the defendant has behaved to the plaintiff) is inadequate *to punish him for his outrageous conduct*, to mark their disapproval of such conduct and to deter him from repeating it, than it can award some larger sum. (Penekanan ditambah.)

[39] Selanjutnya, YA PK bijaksana telah terkhilaf dalam memberikan ganti rugi am kepada plaintif-plaintif yang mana mereka tidak ada hak untuk mendapat ganti rugi am tersebut. Sejajar dengan ini, plaintif-plaintif hanya berhak untuk mendapat ganti rugi seperti yang diperuntukkan di bawah ss 7 dan 8 Akta Undang-Undang Sivil yang langsung tidak menyentuh berkenaan ganti rugi am. Perkara yang sama terpakai kepada pemberian ganti rugi serangan dan serangan sentuh yang bukan sahaja tidak wujud di bawah Akta Undang-Undang Sivil, bahkan dalam kes ini, gagal dibuktikan sepertimana yang telah diputuskan oleh hakim bicara. Dalam keadaan dimana YA PK bijaksana sudah pun memberikan ganti rugi am, maka ganti rugi untuk serangan dan serangan sentuh tidak boleh diberikan kerana ianya akan terjumlah kepada gandaan ganti rugi.

KESIMPULAN

[40] Adalah menjadi prinsip undang-undang yang mantap bahawa mahkamah yang menjalankan kuasa rayuan tidak akan campur tangan dalam perlaksanaan kuasa budi bicara mahkamah bawahan melainkan dapat ditunjukkan bahawa mahkamah tersebut telah melaksanakan budi bicara atas prinsip-prinsip yang salah, telah mengambil kira perkara-perkara yang tidak relevan atau perkara-perkara yang bukan dihadapannya. Dalam hal ini memadai untuk kami merujuk kepada kes Mahkamah Rayuan, *ECM Libra Investment Bank Bhd v Foo Ai Meng & Ors* [2013] 3 MLJ 35; [2013] 3 AMR 8, untuk menjelaskan peranan kami iaitu:

> (b) It is well settled that in an appeal against the exercise of discretion by a judge, the initial function of the appellate court is one of review only, there being no original discretion vested in the appellate court. It is for the appellant to demonstrate that an error in the exercise of discretion has indeed occurred and it is also one of the categories of cases where appellate interference is warranted (see *Wah Bee Construction Engineering v Pembenaan Fungsi Baik Sdn Bhd* [1996] 2 AMR 2412; [1996] 3 CLJ 858; *Majlis Peguam Malaysia & 2 Ors v Raja Segaran a/l S Krishnan* [2002] 3 MLJ 155; [2002] 3 AMR 3176).

[41] Oleh yang demikian, kami sebulat suara mendapati ada merit dalam rayuan ini dan membenarkan rayuan defendan-defendan. Keputusan YA PK bijaksana dengan ini adalah diketepikan manakala keputusan hakim bicara dikekalkan. Tiada perintah dibuat mengenai kos. Deposit dikembalikan kepada perayu-perayu.

A *Rayuan perayu-perayu dibenarkan; keputusan YA pesuruhjaya kehakiman diketepikan dan keputusan hakim bicara dikekalkan.*

Dilaporkan oleh Fatin Mohd Ismail

B

C

D

E

F

G

H

I